

17 MAY 2002
Mahathir-Media
MAHATHIR BIDAS STESEN TV BERITA CNN

SEPANG, 17 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas stesen tv berita CNN kerana tidak memberi peluang kepada beliau membuat penjelasan mengenai isu-isu penting walaupun stesen itu yang menjemput beliau untuk satu temuramah eksklusif yang disiarkan malam tadi.

"Penemuramah CNN ini ada satu pendekatan yang sama iaitu apabila membuat soalan dia membuat kenyataan yang panjang, yang menuduh kita itu dan ini, dan akhirnya bertanya soalan yang tiada kaitan dengan kenyataan yang dibuat," katanya kepada pemberita sekembalinya dari lawatan empat hari ke Amerika Syarikat.

Beliau berkata dengan cara itu nampak seolah-olah orang yang ditemuramah menerima kenyataan yang dibuat oleh penemuramah berkenaan.

"Inilah cara-cara kotor yang digunakan oleh CNN dengan tidak mahu memberi saya peluang untuk menjawab sedangkan mereka yang jemput untuk menemuramah saya," kata Perdana Menteri di Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini.

Katanya kalau diperhatikan temuramah itu, orang yang menemuramah beliau lebih banyak memberi pendapatnya sendiri daripada meminta pendapat beliau.

"Kalau dia nak bagi pendapat dia tak payahlah tanya saya," katanya.

Ditanya mengenai tuduhan media asing bahawa Malaysia tidak demokratik terhadap pihak pembangkang, Perdana Menteri berkata jika Malaysia dibandingkan dengan negara-negara lain, mereka lebih kejam terhadap pembangkang.

"Kalau kita iktiraf orang yang dituduh oleh mereka sebagai pembangkang, pengganas umpamanya, tindakan mereka lebih keras lagi, tidak ada perbincangan langsung dan ini seolah-olah tidak dihiraukan ... perbuatan negara-negara lain tidak menjadi tumpuan, mereka (media asing) hanya menumpu kepada Malaysia sahaja," katanya.

-- BERNAMA
SR FA ZS RON